



SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 12 TAHUN 2020

15 Jun 2020

Semua warga kampus
Universiti Utara Malaysia

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

TINDAKAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) SEMASA TEMPOR PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020 telah mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memasuki fasa pemulihan COVID-19. Fasa pemulihan ini adalah sebahagian daripada strategi keluar (*exit strategy*) daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei 2020.
3. PKPB yang berakhir pada 9 Jun 2020 digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Dalam tempoh PKPP ini, lebih banyak kelonggaran diberikan untuk semua rakyat menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi SOP secara berterusan. Majikan pula diminta agar memastikan semua pekerja mematuhi SOP di tempat kerja.
4. Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 8 Jun 2020 pula telah mengeluarkan kenyataan bahawa sepanjang tempoh PKPP ini, semua perkhidmatan kerajaan beroperasi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (WFH) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan penjawat awam sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020 dan Surat Pekeliling Pendaftar Bilangan 10

Tahun 2020 (SPP Bil. 10 Tahun 2020) bertarikh 28 Mei 2020 iaitu kepada staf dalam kategori berikut:-

- a) pegawai yang mempunyai anak yang berumur kurang dari 12 tahun;
- b) pegawai yang mempunyai anak Orang Kelainan Upaya (OKU);
- c) Pegawai yang berumur lebih 55 tahun; dan
- d) pegawai yang mempunyai penyakit berisiko tinggi.

5. Dengan merujuk kepada pelaksanaan PKPP, kenyataan KSN, dan SPP Bil. 10 Tahun 2020, Universiti telah memutuskan seperti berikut:-

- a) semua projek-projek pembangunan perlu diteruskan dengan kadar segera. Bagi projek yang benar-benar memerlukan lawatan tapak, aktiviti ini adalah dibenarkan dengan mengamalkan kebiasaan baharu dan meminimalkan bilangan peserta;
- b) mesyuarat dan penganjuran bengkel/seminar/persidangan, perhimpunan, aktiviti sukan dan rekreasi juga dibenar untuk dianjurkan dengan mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta SOP khusus yang dikeluarkan oleh PKU seperti di Lampiran;
- c) perkhidmatan kafeteria dan lain-lain perkhidmatan perniagaan dalam kampus juga dibenarkan tertakluk kepada pematuhan semua prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- d) pengisian CODSA oleh staf dan lain-lain tindakan berkaitan CODSA masih diteruskan dan berkuatkuasa;
- e) saringan suhu badan di pintu utama kampus masih diteruskan;
- f) waktu masuk kerja bagi staf pentadbiran hendaklah tidak lewat dari jam 8.30 pagi;

- g) penggunaan kad staf untuk tujuan merekod kehadiran masih diteruskan dan penggunaan *biometric* masih dilarang;
- h) urusan PdP secara dalam talian (online) akan diteruskan. Sekiranya terdapat urusan PdP yang perlu dibuat secara bersemuka atau melibatkan penggunaan makmal, pematuhan kepada SOP yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi melalui suratnya dengan rujukan JPT(A)1000/001/019/01 Jld. 20 (67) bertarikh 3 Jun 2020 adalah WAJIB;
- i) bagi staf yang diluluskan oleh Ketua PTJ untuk melaksanakan tugas secara WFH, perekodan WFH di dalam sistem kehadiran masih menggunakan kaedah sedia ada iaitu diinput oleh staf khusus di PTJ yang ditugaskan untuk melaksanakannya;
- j) aktiviti solat berjemaah di surau adalah seperti yang dinyatakan dalam SPP Bilangan 11 Tahun 2020 iaitu hendaklah membawa sejadah dan telekung dari rumah. Penggunaan surau hendaklah secara bergilir-gilir dengan hanya separuh dari kapasiti surau tersebut.
- k) aktiviti solat berjemaah di masjid pula adalah tertakluk kepada SOP sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah sehingga SOP baharu dikeluarkan;
- l) kemasukan orang luar ke dalam kampus masih perlu mengikut segala arahan seperti dalam SPP Bil. 10 Tahun 2020; dan
- m) kemasukan pelajar ke kampus adalah merujuk kepada pekeliling berasingan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).


6. Sehubungan dengan itu, arahan PKPP yang akan dikeluarkan oleh MKN dan termasuk semua arahan oleh pihak berkuasa hendaklah dipatuhi oleh semua staf dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan semua SOP keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka serta menyediakan *hand sanitizer*.

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 21 Jun 2020 sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan tertakluk kepada arahan terkini yang dikeluarkan pihak Kerajaan Malaysia. Sehingga ianya dikuatkuasakan, SPP Bil. 10 Tahun 2020 dan SPP Bil. 11 Tahun 2020 masih diterima pakai.

Sekian, terima kasih.

'ILMU BUDI BAKTI'

Saya yang menjalankan amanah



BAHARUDIN BIN YAACOB

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia

- s.k. -
- Y.Bhg. Dato' Pengerusi Lembaga Pengarah UUM
 - Y.Bhg. Dato' Naib Canselor UUM
 - Semua Jawatankuasa Pengurusan UUM

**SOP MESYUARAT DAN BENGKEL DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1. Berikutan arahan baharu oleh Ketua Setiausaha Negara melalui suratnya mengenai Budaya Kerja Perkhidmatan Awam Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bertarikh 8 Jun 2020, UUM membenarkan mesyuarat atau bengkel diadakan bermula pada 10 Jun 2020 ini.
2. Sehubungan dengan itu, Sekretariat adalah orang yang bertanggungjawab dalam memastikan SOP Mesyuarat dan bengkel dipatuhi.
3. Sekretariat hendaklah memastikan bilangan peserta dengan tepat seterusnya memilih lokasi untuk mesyuarat dan bengkel yang sesuai.
4. Di lokasi tersebut, pihak sekretariat perlu tentukan kedudukan peserta adalah sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain.
5. Aplikasi UUM Attendance wajib digunakan sebagai rekod keberadaan peserta.
6. Suhu peserta perlu diambil. Jika suhu yang dicatat adalah 37.5 atau lebih, peserta TIDAK dibenarkan menyertai mesyuarat atau bengkel tersebut.
7. Semua peserta hendaklah memakai pelitup mulut dan hidung.
8. Peserta yang bergejala tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat secara fizikal.
9. Jika makanan disediakan, ianya hendaklah dibungkus secara individu.
10. Bagi peserta luar kampus, pilihan untuk mengadakan mesyuarat dan bengkel atas talian hendak diberi keutamaan.